



KEMENTERIAN KEWANGAN  
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI MELAKA  
Aras 5, Menara Persekutuan  
Jalan Persekutuan  
75450 Ayer Keroh, Melaka

Tel : 06-289 5000  
Faks : 06-234 5201 / 5202 / 5207  
Portal Rasmi : <https://melaka.anm.gov.my>

Ruj. Kami : ANM(T)/MEL/04/22 Jld. 6 (34)  
Tarikh : 18 Julai 2025  
Bersamaan : 22 Muharam 1447H

Ketua Jabatan Persekutuan  
Ketua Pusat Tanggungjawab  
Ketua Pejabat Pemungut

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PERJUMPAAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (ANM) BERSAMA WARGA PERAKAUNAN NEGERI MELAKA**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Melaka akan mengadakan perjumpaan bersama Akauntan Negara Malaysia bersama warga perakaunan di Negeri Melaka. Perjumpaan ini diadakan sebagai tanda penghargaan kepada semua warga perakaunan Negeri Melaka di atas komitmen dan sokongan di dalam kebersamaan menyampaikan perkhidmatan kewangan dan perakaunan di samping sebagai wadah untuk pihak pengurusan tertinggi mendengar dan cakna akan kebajikan dan penambahbaikan yang diperlukan oleh warga perakaunan.

3. Sehubungan dengan itu, semua Akauntan, Penolong Akauntan dan Pembantu Akauntan yang berkhidmat di Negeri Melaka adalah dijemput untuk menghadiri perjumpaan ini seperti ketentuan berikut seperti di **Lampiran A** :-

Tarikh : 31 Julai 2025 (Khamis)  
Masa : 2.00 petang – 4.30 petang  
(Atur Cara seperti di Lampiran B)  
Tempat : Al Ariffin Ballroom,  
Mudzaffar Hotel,  
Ayer Keroh, Melaka

4. Oleh yang demikian, YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dimohon untuk mengisi pengesahan kehadiran **sebelum atau pada 23 Julai 2025 (Rabu)** seperti pautan berikut:

[https://docs.google.com/forms/d/1cJnDnyOp676eYqJLOlrdJ4JPByM0s2LZ\\_bm9Fus\\_fxfU/edit](https://docs.google.com/forms/d/1cJnDnyOp676eYqJLOlrdJ4JPByM0s2LZ_bm9Fus_fxfU/edit)

Ruj. Kami : ANM(T)/MEL/04/22 Jld. 6 (34)

5. Sebarang pertanyaan boleh berhubung pegawai kami,

|                          |               |
|--------------------------|---------------|
| Siti Sara binti Jantan   | 06 - 2895017; |
| Ismajuliana binti Ismail | 06 - 2895069  |

6. Perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**


**"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA**

**"BIJAK LAKSANA TUAH, BERANI LAKSANA JEBAT"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

***"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"***

Saya yang menyalankan amanah,

  
**(MOHD ASRI BIN YUSOF** ACMA, CGMA, ASEAN CPA, CPFA (UK), CA(M))  
Pengarah Negeri  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
Negeri Melaka.

s.k.    1.    Timbalan Pengarah  
         2.    Semua Ketua Seksyen